

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian dalam memelihara serta memulihara kawasan hutan sebagai suatu cara semula jadi bagi mengatasi masalah banjir yang sering kali berlaku ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Memelihara serta memulihara kawasan hutan adalah tanggungjawab bersama Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi Kerajaan Pusat seperti Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS).
2. Kerajaan Pusat telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam merezab kawasan Hutan Tadahan Air sebagai salah satu langkah bagi mengatasi masalah banjir. Sehingga 31 Disember 2019, seluas 809,823 hektar kawasan di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di Semenanjung Malaysia.

## NO. SOALAN: 19

3. Antara perancangan jangka panjang dan berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha memelihara khazanah hutan negara adalah seperti berikut:

- (i) mempergiatkan usaha ke arahewartakan kawasan-kawasan berhutan sebagai HSK;
- (ii) meneruskan aktiviti rawatan hutan dan silvikultur dalam HSK;
- (iii) mempertingkatkan usaha pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan melalui Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot Di Semenanjung Malaysia;
- (iv) menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri setiap 10 tahun bagi tujuan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan HSK secara berkekalan;
- (v) melaksanakan dan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan hutan secara bersepadu dengan agensi kerajaan yang berkaitan bagi menangani aktiviti pencerobohan dan kesalahan hutan;
- (vi) menyedia, melaksana dan memantau Catuan Tebangan Tahunan (CTT) setiap tempoh Rancangan Malaysia bagi kawasan hutan pengeluaran dalam HSK;
- (vii) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perhutanan termasuk kaedah pengusahaan yang berimpak rendah; dan
- (viii) memperkasakan amalan pengurusan hutan berkekalan dengan membangun dan mengaplikasikan teknologi terkini yang bersesuaian dengan perhutanan.

4. Di samping itu, antara perancangan jangka panjang dan berterusan untuk mengatasi masalah banjir, KASA telah melaksanakan pendekatan melalui kaedah bukan struktur yang berprinsipkan perancangan,

## NO. SOALAN: 19

khususnya menyediakan pelan-pelan atau sistem yang mengurangkan keterdedahan atau risiko kepada banjir.

5. KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*). Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Melalui pelan IRBM ini, Kementerian telah menyediakan perancangan dan pembangunan lembangan untuk rujukan Kerajaan Negeri dalam sesuatu pembangunan agar tidak mengancam kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.